

Headline	Memahami konsep setia dalam parti		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Jan 2012	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	14	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	302 cm <sup>2</sup>
Journalist	AMINUDIN MANSOR	AdValue	RM 1,208
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,624



# Memahami konsep setia dalam parti

AMINUDIN MANSOR

Dalam usaha mengukuhkan parti, janji taat setia kepada parti mestilah diikrarkan dalam hati dan diri. Setiap ahli parti mestilah menunaikan janji taat setia ini. Baik bagi ahli parti Umno, Barisan Nasional (BN), Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang terdiri dari Pas dan DAP mempunyai cara dan kaedah untuk mentaati parti.

Perpecahan dalam parti boleh mengakibatkan kekalahan sama ada dalam Pilihan Raya Umum (PRU) atau pilihan raya kecil. Janji taat setia kepada parti bukan hanya diikrarkan dalam perhimpunan parti, malah ia sentiasa dipraktikkan dalam percakapan, perbuatan dan tindakan khususnya ketika membuang undi. Taat setia ini bukan hanya pada ikrar tetapi mestilah diterjemahkan dalam tindakan.

Bagi ahli Umno, janji dan taat setia kepada parti telah diungkapkan oleh Timbalan Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin di Perhimpunan Agung Umno ke-62 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra baru-baru

ini.

Antaranya beliau menyatakan; "maka penting bagi kita dan pada waktu yang agak mencabar ini, kita menumpukan sepenuh taat setia kepada pemimpin kita, taat setia kita kepada parti dan tidak berbuat sesuatu yang boleh membawa kesan buruk kepada pihak parti kita pada masa-masa yang akan datang ini."

Seterusnya beliau menyatakan, "jihad untuk memenangkan parti kita, jihad untuk memastikan 'survival' bangsa dan agama kita adalah satu pengorbanan yang amat besar sekali yang harus dipertanggungjawabkan dan dilaksanakan oleh kita secara sebaik-baiknya."

Justeru konsep taat setia di sini jelas ditujukan supaya menumpukan taat setia kepada pemimpin parti yang seharusnya membawa kemenangan kepada parti dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13).

Jika ditinjau dan dikaji konsep taat setia dalam parti agak lebih diberikan oleh pengikut parti bagi parti pembangkang seperti Parti Keadilan Rakyat (PKR), Pas dan DAP. Taat setia yang diberikan oleh mereka membolehkan parti

itu memenangi beberapa kerusi semasa PRU ke-12 yang lalu.

Sebagai pemimpin dalam parti atau kaum ia diibaratkan pengabdian (pelayan) mereka iaitu rakyat yang memilih mereka menjadi pemimpin. Di samping itu, pemimpin tidak harus mengkhianati orang yang dipimpinya iaitu rakyat di bawahnya, terutama yang telah memilihnya menjadi pemimpin.

Di sinilah konsep taat setia itu dapat dilaksanakan dalam dua hala iaitu daripada pemimpin kepada rakyat dan daripada rakyat kepada pemimpin.

Lantaran itu, Nabi SAW pernah mengingatkan berkaitan dengan taat setia kepada pemimpin. Sabda baginda yang bermaksud: "*Hendaklah kamu mendengar; patuh dan taat (kepada pemimpinmu) dalam masa kesenangan (kemudahan dan kelapangan), dalam kesulitan dan kesempitan, dalam kegiatanmu dan di saat mengalami hal-hal yang tidak menyenangkan sekalipun keadaan itu merugikan kepentinganmu.*" (Riwayat Muslim dan An Nasa'i).

Kekuatan sesebuah parti banyak bergantung pada taat setia pengikutnya. Tanpa taat

setia kepada pemimpin dan parti kekuatan dan kepaduan ahli akan longgar dan tidak padu. Kekuatan dan kepaduan ini sangat penting, biarpun parti atau persatuan itu kecil.

Setiap daripada kita adalah pemimpin dan bertanggungjawab

atas kepimpinannya. Konsep ini mestilah difahami dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara.

Konsep pemimpin dan kepimpinan ini mestilah diterapkan dalam hati dan jiwa setiap rakyat. Begitu juga konsep taat setia kepada pemimpin dan kepimpinan. Tanpa memahami konsep ini, orang ramai akan mudah tersasar daripada tujuan kepimpinan dan taat kepada pemimpin.

Kejayaan seseorang pemimpin banyak bergantung pada sokongan taat setia pengikutnya. Tanpa sokongan padu dan taat setia, tiada pemimpin yang dapat bertahan lama sebagai pemimpin parti, pemimpin masyarakat dan sebagainya. inilah realiti dalam kepimpinan sesebuah parti dan masyarakat.

**\* Penulis pengamal media. PhD Persuratan Melayu, UKM.**